



Penerima anugerah bersama-sama Prof Musa (empat dari kiri) selepas **Majlis Anugerah Sukan USIM 2014**, baru-baru ini.

USIM iktiraf atlet cemerlang

Atlet pencak silat, Mohd Ali Imran Che Hashim dan Nurul Amalina Subkhi, masing-masing dipilih sebagai olahragawan dan olahragawati Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada Anugerah Sukan USIM 2014 kategori pelajar, di sini, baru-baru ini.

Mohd Ali Imran yang juga pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan pernah menyumbang pingat perak dalam Kejohanan Silat Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia (MASUM) 2013, manakala Nurul Amalina dari Fakulti Syariah dan Undang-undang menggondol pingat emas dalam Kejohanan Silat Piala Timbalan Perdana Menteri.

Sementara itu, kategori kakitangan pula menyaksikan staf Jabatan Keselamatan, Norizat Nordin diangkat sebagai

olahragawan, manakala Wan Azura Radzuan dari Jabatan Perpustakaan sebagai olahragawati.

Norizat ialah atlet bola tampar yang membantu pasukan USIM meraih pingat gangsa dalam Kejohanan Bola Tampar Majlis Sukan Kakitangan Kerajaan (MAKSAK) 2013.

Wan Azura pula berstatus Master Tenpin Böling dalam Kejohanan Sukan Kakitangan Universiti-universiti Malaysia (SUKUM). Semua pemenang menerima trofi dan sijil penghargaan masing-masing.

Kecemerlangan

Pada majlis sama, Anugerah Tokoh Sukan diberikan kepada Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Prof Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shukur Husin atas komitmen tinggi, sokongan dan kerjasa-

ma beliau dalam pembangunan sukan di USIM khususnya ketika menjadi Naib Canselor USIM sebelum ini.

Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad, berkata majlis penganugerahan itu julung kali dianjurkan sebagai platform untuk menghargai sumbangan dan komitmen jitu yang ditunjukkan oleh pelajar, staf, pegawai serta jurulatih sukan sepanjang tahun lalu.

Katanya, pemegang dinilai dari segi prestasi, pencapaian dan pembangunan sukan yang ditunjukkan sama ada pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

"USIM menyahut saranan Kementerian Pendidikan untuk melahirkan 'thinking athletes' yang juga tunjang utama dalam meningkatkan sahsiah pelajar yang seimbang dalam akademik dan sukan," katanya.